

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 15 NOVEMBER 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 7
HINGGA 40)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Dato' Henry Sum Agong [Lawas]
Tarikh Menjawab	15 November 2011 (Selasa)
Soalan	No. 7

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bilakah program penanaman getah secara terbuka untuk pekebun-pekebun kecil dijalankan selain daripada penanaman semula dan berkelompok

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

|

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

Pada masa ini Kerajaan masih memberi keutamaan kepada program tamanan getah secara penanaman semula dan berkelompok. Penanaman semula secara berkelompok memudahkan penyaluran bantuan dan khidmat nasihat dapat dibuat kepada kumpulan sasaran. Walaupun demikian, pekebun-pekebun kecil yang mempunyai keluasan kurang daripada 5 hektar masih lagi mendapat bantuan yang sama.

Pada masa ini, kadar bantuan tanaman semula getah yang disediakan adalah RM9,230/hektar bagi Semenanjung Malaysia, RM14,000/hektar bagi Negeri Sabah dan RM13,500/hektar bagi Negeri Sarawak. Bantuan yang diberikan kepada peserta adalah dalam bentuk bahan tanaman, baja, racun rumpai dan peralatan menanam. Selain itu, peserta-peserta dikehendaki mengikuti kursus penanaman dan pengurusan kebun dengan penekanan kepada amalan pertanian yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, skim penanaman getah adalah terbuka kepada rakyat Malaysia terutamanya pekebun kecil yang memiliki tanah yang sah. Bantuan diberi dalam bentuk geran kepada pekebun kecil getah yang memiliki tanah kurang dari 5 hektar.

Bentuk bantuan yang diberikan kepada peserta adalah dalam bentuk bahan tanaman, baja, racun rumpai dan peralatan menanam. Selain itu, peserta-peserta dikehendaki mengikuti kursus penanaman dan

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

pengurusan kebun dengan penekanan kepada amalan pertanian yang baik.

Di bawah projek pembangunan *National Key Economic Area* (NKEA) getah, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 194.723 juta bagi program tanam semula dan tanam baru getah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tahun 2011-2012. Daripada jumlah ini, sejumlah RM53 juta telah diperuntukan untuk pembangunan tanam baru getah seluas 10,000 hektar di Sarawak yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak (JPS).

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PAD A Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN BANDAR
KAWASAN KUCHING 15 NOVEMBER 20f t (RABU)
TARIKH

SOALAN

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan apa sebabnya projek "Upgrading
Of jalan Biawak, Kuching Division, Sarawak" terbengkalai. Bifakah projek
tersebut akan dilanjutkan dan disiapkan.

JAWAPAN i

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf jalan Biawak di Lundu, Sarawak merupakan projek khas di bawah jabatan Perdana Menteri yang dilaksanakan di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Projek dengan harga kontrak sebanyak RM29.95 juta ini melibatkan skop menaik taraf jalan gravel sedia ada sepanjang 18.3 kilometer kepada jalan berturap. Projek ini telah dimulakan pada 28 Ogos 2009 dan sepatutnya siap dalam tempoh 18 bulan, iaitu pada 27 Februari 2011. Walau bagaimanapun, projek ini telah diluluskan Tempoh Lanjutan Masa (EOT) iaitu sehingga 20 Ogos 2011 disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan kontraktor. Sehingga kini, kemajuan kerja di tapak ialah 39.8% sebenar berbanding 100% jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini mengalami kelewatan berikutan dari pelbagai faktor seperti pengambilan balik tanah, kelewatan pengalihan utiliti dan kelemahan oleh pihak kontraktor sendiri. Sehubungan itu, JKR Sarawak telah mengambil beberapa langkah supaya projek ini dapat disiapkan secepat mungkin. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan Surat Amaran/Peringatan kepada kontraktor

- agar meningkatkan kemajuan kerja di tapak; dan
- (ii) mengarahkan kontraktor menyedlakan recovery plan yang merangkumi penjadualan semula kerja kontraktor, meningkatkan bilangan pekerja dan mesin di tapak serta melantik pengurusan baru. Berdasarkan recovery plan, projek ini dijangka dapat disiapkan pada bulan Mei 2012 kecuali jika terdapat faktor-faktor di luar kawalan yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca buruk akibat dari musim hujan yang berterusan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kontraktor tersebut masih gagal menunjukkan kemajuan kerja yang menepati recovery plan pada akhir bulan November 2011 kelak, maka pihak JKR Sarawak akan meneruskan tindakan untuk menamatkan kontrak ini.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN	JAWAB LISAN	
DARI PAD A	DATO* HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]	ISMAIL BIN HAJI
TARIKH	15 NOVEMBER	2011 (SELASA)

SOALAN NO. : 10

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah jumlah Perkampungan WiFi yang telah dibangunkan di seluruh negara dan berapakah jumlah kos yang terlibat bagi membangunkan Perkampungan WiFi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 22 September 2011, sebanyak 1,408 dari jumlah keseluruhan 3100 Kampung Tanpa Wayar (KTW) telah dibangunkan di seluruh negara yang melibatkan kos RM94 juta.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 15NOVEMBER 2011

SOALAN:

SOALAN NO. : 10

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang projek menaik taraf sistem saliran bandar bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah:

- (a) nyatakan berapa fasa atau peratusan projek tersebut siap dibina; dan
- (b) adakah semua peruntukan untuk projek ini sudah diberi kepada Kerajaan Negeri Melaka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, “Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Kawasan Melaka Bandaraya Bersejarah” mempunyai dua(2) Fasa. Fasa 1 projek ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mei 2011.

- (b) Projek menaiktaraf sistem saliran ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Second Rolling Plan* (2012-2013) untuk melaksanakan Fasa 2 projek tersebut. Kementerian akan terus berusaha untuk melaksanakan Fasa 2 bergantung kepada kemampuan kewangan negara dan kelulusan peruntukan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAH

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PERTANYAAN
: Datuk Tiong Thai King [Lanang]

TARIKH DEWAN
: 15 November 2011

SOALAN RAKYAT
: Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI PERTANIAN

DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- (a) Jumlah tan metrik beras yang diguna oleh rakyat Malaysia pada tahun 2009 dan 2010, antaranya berapa peratus merupakan beras import; dan
- (b) Bilakah negara mampu mengeluarkan beras mengikut keperluan negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2009, jumlah penggunaan beras adalah sebanyak 2.253 juta tan metrik manakala pada tahun 2010 penggunaan beras adalah sebanyak 2.299 juta tan metrik. Bagi kedua-dua tahun tersebut, peratusan penggunaan beras import adalah lebih kurang 30%.

Dalam usaha mencapai Tahap Sara Diri (SSL) 100% bagi pengeluaran beras, Kementerian telah merancang untuk meningkatkan pengeluaran dan *cropping intensity* bagi mencapai SSL 88% menjelang tahun 2015. Tumpuan akan diberikan pada peningkatan hasil dan pengurusan komersial penanaman padi di kawasan jelapang dan luar jelapang sedia ada melalui pelaksanaan langkah jangka pendek/ sederhana dan jangka panjang seperti berikut:

Langkah Jangka Pendek/Sederhana:

- i) Pengenalan varieti baru seperti MR253, MR220CL1 dan MRQ74;
- ii) Pengurusan input seperti baja, racun dan kapur yang lebih berkesan;
- iii) Penggunaan jentera atau mekanisasi besar/kecil;
- iv) Amalan Pertanian Baik; dan
- v) Penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran.

Langkah jangka panjang bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi sehingga tahun 2020 adalah melalui pelaksanaan program-program di bawah National Key Economic

Area (NKEA) Pertanian iaitu di bawah Entry Point Project (EPP) 10 dan EPP 11. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, program-program ini yang bertujuan memperbaiki kaedah pengurusan tanaman padi telah pun dimulakan sejak tahun ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DR HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]
TARIKH 15 NOVEMBER 2011
SOALAN

Dr Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa ada pertindihan kuasa tugas di antara Inspektor Kesihatan Persekutuan dan Inspektor Kesihatan Negeri yang mana telah memberi banyak kekeliruan dan apa langkah yang

SOALAN NO : 12

diambil untuk menyelesaikan kejadian itu.

Tuan Yang Di-Pertua

Sebenarnya, tidak berlaku sebarang pertindihan kuasa tugas Inspektor Kesihatan yang kininya dipanggil sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) di antara mereka yang berkhidmat di peringkat persekutuan dengan di peringkat negeri.

I

PPKP Persekutuan berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan terikat dengan Undang-undang Kesihatan Awam dalam menjalankan tugas seperti Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (pindaan 2010), Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Manakala, PPKP Negeri berkhidmat di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan terikat dengan Akta Kerajaan Tempatan 1974 dan Undang-Undang Kecil di bawahnya. PPKP Persekutuan mempunyai skop dan bidang tugas yang telah ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 11 Tahun 2005. Di antaranya adalah dalam aktiviti di bawah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit dan Penyakit Tidak Berjangkit) iaitu kawalan penyakit bawaan vektor, keselamatan dan kualiti makanan, bekalan air dan kebersihan alam sekeliling (BAKAS), kawalan mutu air minuman, kesihatan pintu masuk (lapangan

SOALAN : 13

terbang dan pelabuhan) dan Perundangan dan Penguatkuasaan.

Walau bagaimanapun, ada juga tugas yang sebelum ini dijalankan oleh KKM telah diambil alih Pihak Berkuasa Tempatan yang besar dan berkemampuan seperti Majlis Bandaraya Negeri dan Dewan Bandaraya. Contohnya adalah aktiviti kawalan vektor seperti aktiviti kawalan denggi. Segala kuasa dan tugas yang dijalankan oleh kedua-dua pihak iaitu KKM dan PBT yang berkenaan telah diselaras melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala yang melibatkan kedua-dua pihak.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAQ
(LUBOK
ANTU)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan**

SOALAN : 13

Wilayah

menyatakan kenapa peruntukan untuk projek kecil jalan kampung/rumah panjang begitu kecil sekali dalam tahun ini dibandingkan dengan tahun lepas sedangkan projek ini amat sangat diperlukan oleh penduduk yang tinggal di luar bandar.

JAWAPAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk meningkatkan kemudahan asas di kawasan luar bandar termasuklah jalan kampung / rumah panjang. Kenyataan bahawa peruntukan untuk projek kecil jalan kampung / rumah panjang begitu kecil pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas adalah kurang tepat kerana Kerajaan telah meluluskan peruntukan kepada Kementerian ini untuk melaksanakan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) atau dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung (PJK) pada tahun 2010 sebanyak RM65.291 juta manakala pada tahun 2011 sebanyak RM112.0 juta termasuk juga jalan ladang.

Soalan No : 14

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. TUAN WONG HO LENG (SIBU)
TARIKH	15.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) dan jumlah peruntukan kewangan yang diberikan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina di setiap negeri dalam 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan sesuatu sijil bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, pengiktirafan sijil adalah di bawah kendalian Agensi Pusat. Untuk makluman YB seterusnya, Sekolah Menengah Persendirian Cina adalah tidak menggunakan Kurikulum Kebangsaan dan menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar serta Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah ini tidak tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996. Sijil tersebut diberikan kepada para pelajar yang menduduki *Malaysian Independent Chinese Secondary School (MICSS)* yang dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh *United Chinese School Committees' Association of Malaysia (UCSCAM)* dan *United Chinese School Teachers' Association of Malaysia (UCSTAM)* tanpa sebarang penglibatan KPM.

Setakat ini Kementerian tidak menyediakan sebarang peruntukan kepada sekolah-sekolah berkenaan kerana ianya merupakan sekolah swasta yang tidak berada di bawah pentadbiran KPM secara langsung.

Rjm 79

ketara di sekolah-sekolah rendah Cina termasuklah di kawasan Parlimen Puchong, Kementerian telah merancang 2 projek pembinaan SJKC dan 13 projek pembangunan fizikal lain dengan peruntukan sebanyak RM32.109juta di bawah RMK10.

Namun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar kerajaan adalah jelas iaitu memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) dan salah satu pendekatan yang diambil adalah dengan menubuhkan lebih banyak sekolah kebangsaan bagi semua golongan masyarakat bertujuan menyatupadukan rakyat.

Rjm 78

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADAYB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH 15 NOV 2011 [SELASA]

SOALAN :

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan fatwa terkini mengenai pelaburan Amanah saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) dan apakan tindakan kerajaan selanjutnya.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN : 16
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Muzakarah Jawatankuasa
Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-
80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan

pelaburan dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan seumpamanya.

Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

“ Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar, hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. “

Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah berdasarkan penjelasan aspek-aspek pelaburan ASN dan ASB yang dibentangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan juga penjelasan kedudukan kritikal ekonomi umat Islam oleh Unit Perang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

Selaras dengan pandangan Muzakarah, pihak PNB pada 2008 telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah bagi memantau dan meneliti aspek pelaburan PNB. Skim ini sentiasa di pantau oleh Majlis Panel Syariah ini dan statusnya dilaporkan kepada Pengerusi Jawatan kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]
TARIKH BERSIDANG	15 NOVEMBER 2011
SOALAN	

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah Pusat Kesihatan yang baru di Kawasan Gelang Patah, memandangkan Poliklinik yang ada sekarang tidak dapat menampung keperluan penduduk yang semakin ramai.

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan Parlimen Gelang Patah yang mempunyai 350,000 penduduk menerima perkhidmatan kesihatan dari fasiliti kerajaan iaitu 3 Klinik Kesihatan, 7 Klinik Desa dan juga dari 50 buah Klinik Swasta. Kawasan Parlimen Gelang Patah adalah sebahagian dari kawasan Iskandar Malaysia di mana kawasan ini dijangka pesat membangun. Kementerian Kesihatan Malaysia memang berhasrat untuk membina lebih banyak kemudahan- kemudahan kesihatan di seluruh negara, termasuk kawasan Gelang Patah. Di bawah RMK-10, sebanyak 4 buah Klinik Kesihatan telah dicadangkan dan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (*EPU*) untuk pertimbangan untuk dimasukkan ke dalam *3rd Rolling Plan*.

Kementerian Kesihatan Malaysia berkeyakinan dengan terlaksananya perancangan projek di bawah RMK-10 perkhidmatan kesihatan untuk penduduk di Kawasan Gelang Patah akan bertambah baik dan selesa.

fy/O.
JoAtAN. '
NO. AUM : 21
-NO. AUP t

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN		LISAN
DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]	
TARIKH		15 NOVEMBER 2011
RUJUKAN		4183

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes kematian anggota polis ketika mengiringi orang kenamaan sejak 2000 sehingga 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik PDRM, sebanyak sembilan (9) orang anggota polis telah terkorban semasa mengiringi orang kenamaan sejak tahun 2000 hingga 2010. Daripada jumlah tersebut, dua (2) kematian dicatatkan pada tahun 2000, tiga (3) kematian pada tahun 2001, satu (1) kematian pada tahun 2004, dua (2) kematian pada tahun 2007 dan satu (1) kematian pada tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 15 NOVEMBER 2011 (SELASA)

DARIPADA Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah lesen yang telah dikeluarkan kepada pemberi pinjam wang dan daripada jumlah ini, nyatakan jumlah lesen yang diperbaharui tetapi tidak aktif dan apakah tindakan Kementerian kepada pemberi pinjam wang berlesen yang tidak

SOALAN(19)

aktif ini.
JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2011 bilangan Lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah sebanyak 3,086. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 332 pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang yang tidak aktif.

Kementerian ini mengenalpasti Pemberi Pinjam Wang yang tidak aktif melalui laporan transaksi tahunan bagi satu tahun kalendar iaitu dari 1 Januari hingga 31 Disember. Mana-mana Pemberi Pinjam Wang yang tidak merekodkan sebarang urusanniaga atau merekodkan nilai urusanniaga yang rendah atau meragukan, Kementerian ini akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (a) Mengeluarkan surat tunjuk sebab kenapa lesen mereka tidak boleh dibatalkan; atau

- (b) Lesen Pemberi Pinjam Wang mereka tidak diperbaharui apabila tamat tempohnya.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH 15 NOVEMBER 2011

SOALAN:

SOALAN N0.20

DR. LEE BOON CHYE minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menerima pemantau antarabangsa semasa PRU-13.

JAWAPAN:

I

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk membenarkan pemantau antarabangsa memantau urusan perjalanan pilihan raya di negara ini memandangkan pada masa ini, SPR telah membenarkan ejen calon atau ejen pilihan raya bagi seseorang calon yang bertanding untuk menyaksikan secara telus proses pilihan raya yang berlangsung seperti proses pengundian dan pengiraan undi.

SOALAN NO.20

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: ' ; ^{Q-1}₄

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA
OTHMAN

DATUK AZALINA BINTI DATO'

SAID [Pengerang]

TARIKH

15 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN :

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI

SOALAN NO: "A

PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

menyatakan:

- a) usaha dan tindakan yang diambil terhadap kredibiliti laman-laman web yang menjalankan kajian dan analisa di mana input yang diberikan sering kali bersifat berat sebelah dan boleh dipertikaikan; dan
- b) *website* dan blog yang sering menyerang dan memfitnah Kerajaan secara berterusan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menjalankan pelbagai program untuk memperjelaskan dasar-dasar Kerajaan untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul akibat maklumat salah yang diketengahkan oleh penulis-penulis blog. Program-program tersebut mengambil kira penggunaan media arus perdana dan media baru.

Soal kredibiliti berkait rapat dengan penyampaian maklumat yang sahih dan dengan cara yang beretika. Pembaca yang matang dapat menilai sendiri maklumat, mana yang betul dan tidak betul dan mana yang berat sebelah. Dalam hal ini, populariti sesuatu laman web atau blog itu tidak bermakna bahawa ia mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi.

Kesemua jenis kandungan atas talian termasuk kandungan laman web di internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), termasuklah juga Akta Komunikasi dan

SOALAN NO: "^

Multimedia 1998 (AKM 1998).

Sepanjang bulan Januari hingga Ogos 2011, beberapa tindakan telah diambil terhadap laman sesawang dengan menyekat 940 laman sesawang, memberi notis amaran / nasihat kepada 60 pengendali atau pemilik blog dan melapor 75 aduan penyalahgunaan kepada moderator laman sesawang.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN NO:

Kementerian sentiasa peka akan cabaran dan bahaya wujudnya Laman Web yang menyiarkan unsur-unsur negatif, terutamanya unsur-unsur hasutan, fitnah dan juga perkauman. Tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat laman-laman web yang dikenal pasti mempunyai kandungan yang berunsur negatif.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuat pemantauan internet secara khusus terhadap laman blog atau portal berita yang dikenalpasti dan pemantauan secara rambang. Selain itu, pemantauan berdasarkan aduan turut juga dilakukan. Orang ramai digalakan untuk menghubungi SKMM sekiranya mempunyai maklumat mengenai kandungan laman web/blog yang menyalahi undang-undang.

SKMM telah menubuhkan Biro Aduan SKMM, yang merupakan pusat untuk menerima semua jenis aduan, termasuklah aduan mengenai penyalahgunaan internet. Sekiranya terdapat aduan mengenai kewujudan laman web/blog yang melanggar mana-mana peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), SKMM akan menjalankan siasatan termasuk mengenalpasti mereka yang bertanggungjawab terhadap penyediaan atau penyebaran kandungan tersebut dan sekiranya identiti mereka dapat dikenalpasti maka tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terbabit.

Seksvan 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap mana-mana orang yang menyiar maklumat yang lucah, sumbang, palsu,

mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain mengikut peruntukan Seksyen 211 atau 233 Akta Komunikasi dan

SOALAN NO:

Multimedia 1998, dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai agensi di bawah Kementerian bertanggungjawab memantau dan menguatkuasakan peruntukan berkenaan.

Statistik bilangan kertas siasatan yang telah dibuka dan didakwa di mahkamah bagi kesalahan yang melibatkan laman blog, laman web dan forum/portal

BIL.	KATEGORI	SIASATAN				PENDAKWAAN			
		DIB		2010	2011	2008	2009	2010	2011
		2008	2009	2010	2011	2008	2009	2010	2011
1.	Laman Blog	16	24	4	13	0	0	1	0
2.	Laman Web	4	12	62	3	0	8	1	0
3.	Forum/Portal	3	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		23	36	66	16	0	8	2	0

JAWAB LISAN
DARIPADA ~~PEMBERITAHUAN, PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~
~~DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG~~
TARIKH 15 NOVEMBER 2011 (SELASA)
SOALAN/PERTANYAAN NO. 22

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kriteria pemilihan Ahli Lembaga Pengarah sesebuah IPTA milik Kerajaan dalam memastikan semangat keserjanaan dihayati oleh semua warga universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komposisi Lembaga Pengarah IPTA (LPU) diperuntukkan di bawah Seksyen 13(1) Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU (1971) Pindaan 2009 di mana ia terdiri daripada Pengerusi, Naib Canselor, Pegawai daripada Perkhidmatan Awam, wakil Masyarakat Setempat, wakil Senat/Profesor, wakil dari Sektor Swasta, wakil Alumni dan individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu LPU.

Dari segi kriteria, ahli LPU yang dilantik perlulah bersesuaian dengan kapasiti lantikan. Sebagai contoh, wakil dari Sektor Swasta secara umumnya perlulah terdiri daripada tokoh yang berkecimpung dalam sektor swasta atau korporat yang telah membuktikan kejayaan dalam bidang yang

diceburi, berkeupayaan menyumbang idea dan mampu mewujudkan *networking* dalam mengembangkan peranan serta kemajuan universiti berkenaan.

Melalui pindaan AUKU pada tahun 2009 juga, keahlian LPU telah ditambah dengan memasukkan wakil Senat/Profesor yang mewakili ahli akademik bagi memastikan semangat keserjanaan sentiasa disuburkan di kalangan warga universiti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH 15 NOVEMBER 2011

SOALAN:

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan baik yang akan diperoleh daripada penggunaan sistem biometrik dalam mewujudkan satu pilihan raya yang adil di negara ini.

SOALAN NO.23

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memaklumkan bahawa ianya masih di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai cadangan dan pandangan bagi menambahbaik proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi, khususnya dalam konteks penggunaan sistem biometrik atau dakwat kekal. maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :\$

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.11.2011

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah bayaran wang ihsan yang telah dibayar kepada rakyat Kelantan, sila nyatakan kategori mereka yang telah menerimanya dan jumlah. Apakah wang ini hasil pendapatan daripada royalti minyak di kawasan pantai Kelantan.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Dana Wang Ehsan Negeri Kelantan yang telah dibelanjakan mulai tahun 2010 sehingga 21 September 2011 adalah sebanyak RM20,537,046 yang telah diagihkan seperti berikut:

- (i) Sebanyak RM11,260,300 adalah untuk Bantuan Kepada Pelajar yang telah dinikmati oleh 50,554 orang pelajar

- sekolah rendah dan menengah;
- (ii) Sebanyak RM1,167,800 adalah untuk Bantuan Pelajar Cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang telah diterima oleh 8,974 orang pelajar;
 - (iii) Sebanyak RM5,121,100 bagi Bantuan Kemasukan Ke IPTA, Politeknik dan Matrikulasi/Asasi yang melibatkan 9,060 orang pelajar.
 - (iv) Sebanyak RM66,000 bagi Bantuan Kepada Pesakit Penyakit Kronik kepada 132 orang pesakit;
 - (v) Sebanyak RM1,801,423 adalah untuk Bantuan Bencana yang melibatkan 8,875 orang penduduk;
 - (vi) Sebanyak RM699,000 sebagai bantuan kepada 699 orangpelajar untuk kembali semula Ke Mesir; dan
 - (vii) Sebanyak RM421,423 untuk membiayai penganjuran majlispenyampaian Bantuan Kepada Pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, wakil Kerajaan Negeri Kelantan turut menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pengagihan Wang Ehsan yang dipengerusikan oleh Y.B Timbalan Menteri Kewangan.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
(SETIAWANGSA)

TARIKH 15.11.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kaedah yang sedang digunakan Kerajaan untuk menilai prestasi para guru di semua peringkat pendidikan dan tatacara untuk mempertingkatkan kapasiti perguruan negara terutama di dalam bidang-bidang kritikal seperti Matematik, Bahasa Inggeris, Sains dan pengajian teknikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Semua penjawat awam termasuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dinilai menggunakan kaedah pengukuran yang sama iaitu berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) seperti yang digariskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002. SKT digunapakai sebagai asas penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Pegawai Perkhidmatan Awam selaras dengan prinsip Sistem Saraan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bersetuju untuk meneruskan pengecualian pemakaian SKT kepada guru yang mengajar di bilik darjah dan di bilik kuliah berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Pendidikan Bilangan 7 Tahun 1994. Sebagai ganti, guru-guru dikehendaki menggunakan Buku Rekod Mengajar bagi menggantikan SKT untuk dijadikan asas penilaian prestasi Pegawai Penilai masing-masing.

KPM juga sentiasa memantau prestasi dan kualiti guru di seluruh negara dari semasa ke semasa melalui pentadbiran sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jemaah Nazir. Secara khususnya Jemaah Nazir telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pemeriksaan terhadap institusi pendidikan termasuk proses pengajaran dan pembelajaran guru. Instrumen khusus iaitu Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) digunakan bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan guru untuk semua mata pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan keperluan guru khususnya dalam mata pelajaran kritikal, KPM telah melaksanakan Program Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) serta penyelarasan dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berhubung latihan guru. Selain dari KPLSPM dan KPLI, KPM sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, Hari Bertemu Pelanggan dan kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru. KPM juga berusaha meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan program-program yang dilaksanakan di semua Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara.

Rjm 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]

TARIKH 15 NOVEMBER 2011

SOALAN NO : 27

SOALAN:

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kesesuaian yang ada untuk Malaysia tidak melanjutkan tempoh kempen pilihan raya ke tempoh yang lebih panjang dan apakah masalahnya meletakkan tarikh pilihan raya untuk diketahui lebih awal seperti kebanyakan negara di dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan undang-undang sedia ada memberikan kuasa kepada SPR untuk menentukan tempoh berkempen dengan syarat ia tidak kurang daripada tujuh

SOALAN NO.26

hari.

Dalam menentukan tempoh berkempen, SPR mengambil kira beberapa faktor seperti iklim politik, perihal keselamatan dan ketenteraman awam serta turut mengambil kira pandangan daripada parti-parti politik yang rata-rata bersetuju dengan tempoh berkempen yang dilaksanakan ketika ini. Tempoh 7 hingga 9 hari adalah bersesuaian bagi semua parti lebih-lebih lagi parti politik yang kecil saiznya atau calon bebas untuk turut sama berkempen memandangkan ia tidak memerlukan setiap parti membelanjakan kos yang tinggi bagi pengeluaran bahan-bahan kempen.

Bagaimanapun SPR akan terus mengkaji semua langkah pembaikan, termasuk memperuntukkan tempoh kempen yang lebih panjang sekiranya langkah tersebut boleh membawa kebaikan kepada semua pihak dan tidak menimbulkan isu keselamatan dan ketenteraman awam.

Berhubung dengan soal penetapan tarikh pilihan raya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hak untuk membubarkan Parlimen bagi menjalankan Pilihan Raya Umum adalah budi bicara (*prerogative*) Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas nasihat eksekutif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tugas SPR hanyalah melaksanakan apa yang telah diperuntukkan

SOALAN NO.26

di dalam Perkara 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan yang antara lain menggariskan fungsi utama SPR adalah seperti yang berikut;

(i) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan;

(ii) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih;

dan,

(iii) membuat kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Sekian, terima kasih.

MO, So A 1Acf^'

~~-NO.-AUM:-~~

32 NO. AUP *

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

DARIPADA

15 NOVEMBER 2011

TARIKH

4185

~~SOALAN~~
SOALAN

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan terhadap syarikat-syarikat yang terlibat mengubahsuai lebih kurang 600 set alat biometrik yang digunakan di bawah program 6P. Nyatakan juga kerosakan dan kerugian Kerajaan serta tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Ranau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil positif Program 6P ini dapat dilihat dalam kejayaan pendaftaran sehingga tarikh tamat Proses Pendaftaran Program 6P iaitu pada 31 Ogos 2011 seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Kerajaan telah melantik sebanyak 336 Syarikat Pengurus dalam membantu Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan Proses Pendaftaran PATI.

Syarikat-syarikat Pengurus yang terlibat dalam pengubahsuaian peralatan biometrik telah dipanggil oleh pihak Kementerian dan Syarikat NERS telah menyelesaikan masalah tersebut dengan kadar segera. Syarikat-syarikat Pengurus telah memberikan penjelasan yang munasabah kepada pihak Kementerian maka tindakan perundangan tidak diambil ke atas mereka.

Untuk makluman Tuan Yang Di-pertua, satu masalah yang dihadapi oleh Syarikat Pengurus tersebut adalah kesukaran "upload" data PATI yang didaftarkan kerana percanggahan data PATI yang didaftarkan sama dengan beberapa Syarikat Pengurus yang lain.

Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diatasi.

SOALAN NO : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

[SELAYANG]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab Kerajaan tidak melaksanakan prinsip meritokrasi dalam dasar-dasar sosioekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tohmahan yang menyatakan Kerajaan tidak melaksanakan prinsip meritokrasi dalam dasar-dasar sosioekonomi adalah tidak benar sama sekali. Sebenarnya prinsip meritokrasi ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam pelaksanaan dasar-dasar tersebut, khususnya melalui program-program pembangunan sosioekonomi di bawah rancangan pembangunan lima tahun. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), prinsip ini diperkemas melalui

pendekatan pembangunan inklusif. Prinsip pembangunan inklusif ini adalah berteraskan prinsip mesra pasaran (*market-friendly*), berdasarkan keperluan (*needs-based*), berasaskan merit (*merit-based*) dan ketelusan (*transparent*).

Tuan Yang di-Pertua,

Meritokrasi menekankan persaingan secara sihat berasaskan kriteria yang spesifik dalam bidang berkaitan. Contohnya, Kerajaan melaksanakan prinsip meritokrasi yang menggunakan kriteria pencapaian akademik dan kokurikulum bagi kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Kerajaan juga melaksanakan dasar pemilihan syarikat untuk ditawarkan kontrak secara tender terbuka dan syarikat yang berjaya merupakan syarikat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Pemilihan syarikat, kontraktor, pemberi khidmat, perunding dan sebagainya dilaksanakan melalui persaingan termasuk bidaan kompetitif. Persaingan seperti ini menitikberatkan kepada setiap pihak yang bersaing membuktikan potensi masing-masing serta dapat menawarkan harga, produk, perkhidmatan dan hasil yang terbaik kepada Kerajaan. Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus menyokong usahawan tulen, yang berkelayakan serta berasaskan merit dan berpotensi untuk terus maju.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

BERTANYAAN
DARIPADA

KAWASAN

TARIKH

NO. SOALAN

LISAN

DATUK JUSLIE BIN AJIROL

LIBARAN

15.11.2011 (SELASA)

2* M

DATUK JUSLIE BIN AJIROL minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan luar yang telah masuk ke Malaysia sepanjang 9 bulan pertama tahun ini dan perbandingannya dengan tempoh yang sama tahun lalu, dan negara manakah menjadi penyumbang terbesar kepada pelaburan tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut data terkini iaitu bagi tempoh Januari hingqqa Ogos 2011, sejumlah 585 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM35.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM19.4 bilion (54.2%) merupakan pelaburan asing

(FDI), manakala RM16.4 billion (45.8%) adalah pelat domestik (DDI).

Lima negara pembumbang terbesar FDI bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 adalah:

- Jepun dengan jumlah peiaburan sebanyak RM2.5 billion:
- Amerika Svarikat dengan jumlah peiaburan sebanyak RM2.4 billion:
- Arab Saudi dengan jumlah peiaburan sebanyak RM2.2 billion:
- Republik Korea dengan jumlah peiaburan sebanyak RM2.1 billion: dan Sinaapura dengan jumlah peiaburan sebanyak RM1.95 billion.

Tuan Yang Dipertua,

Manakala bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010, sejumlah 619 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai peiaburan sebanyak RM19 billion. Daripada jumlah tersebut, RM11.5 billion (60.5%) merupakan FDI, manakala RM7.5 billion (39.5%) adalah DDI.

Lima negara penvumbanq terbesar FDI bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010 adaiiah: ,

- Singapura dengan jumlah peiaburan sebanyak RM3 bilion;
- Jepun dengan jumlah peiaburan sebanyak RM2.8 billon;
- Amerika Syarikat dengan jumlah peiaburan sebanyak RM973.4 juta;
- Taiwan dengan jumlah peiaburan sebanyak RM540 juta; dan
- Switzerland dengan jumlah peiaburan sebanyak RM537.8 juta.

Berdasarkan pencapaian kedua-dua tempoh tersebut, kemasukan FDI dan pertumbuhan DPI pada tahun 2011 mencatatkan peningkatan yang membanggakan. Ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berdava sainq sebagai destinasi peiaburan di rantau ini.

b/0 % SoA ; NO.

AUM :4 ~~9~~

—NO.—AUP-i

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH 15 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4307

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan Pusat sudi mengakui bahawa keputusan untuk melucut kewarganegaraan Lim Lian Geok pada tahun 1961 adalah salah dan sedia untuk membatalkan Surat Perlucutan Kewarganegaraan untuk mengembalikan kewarganegaraan beliau.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serdang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan perlucutan taraf kewarganegaraan mendiang Lim Lian Giok berdasarkan lunas undang-undang yang berkuat kuasa iaitu di bawah Perkara 25(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang jelas menerangkan:-

Kerajaan Persekutuan boleh melalui Perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana orang yang menjadi warganegara melalui Pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau yang menjadi Warganegara melalui penaturalisasian jika berpuas hati-

(a)Bahawa orang itu telah menunjukkan dirinya melalui perbuatan atau percakapan sebagai tidak taat atau tidak setia kepada Persekutuan;”

Dalam hal ini, Kementerian berpandangan bahawa permohonan untuk mengembalikan kewarganegaraan mendiang tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan kepada perkara berikut:

(i) Kaedah 28, Kaedah-kaedah kewarganegaraan 1964 (Pindaan 1966) memperuntukkan bahawa “pemohon hendaklah hadir

sendiri dan menurunkan tanda tangan di hadapan Pendaftar semasa mengemukakan permohonan kewarganegaraannya”.

Oleh yang demikian, berkaitan dengan isu mengembalikan taraf kewarganegaraan mendiang Lim Lian Giok ini, tiada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa seseorang yang telah meninggal dunia boleh diwakili oleh orang lain bagi mendapatkan semula taraf kewarganegaraannya yang telah dilucutkan.

SOALAN : 31

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB DATUK BUNG MOKTAR BIN
RADIN (KINABATANGAN)**

TARIKH

15 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan:

- (a) Cadangan untuk menyediakan kemudahan air bersih di kawasan pedalaman terutamanya di kawasan pulau-pulau dan kawasan pedalaman di Kinabatangan; dan
- (b) Cadangan Kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar terutamanya jalan ke Kg. Karamuak dan jalan Kg. Sinar Jaya di kawasan Kinabatangan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, bagi memenuhi keperluan terhadap kemudahan bekalan air bersih di kawasan pulau-pulau dan kawasan pedalaman di Kinabatangan, Kementerian sedang melaksanakan projek penyambungan paip bagi 5 buah kampung dan bekalan air secara sistem alternatif di 5 buah kampung. Selain itu, Kementerian juga melaksanakan peningkatan saluran paip utama di 2 buah kampung bagi memastikan kemudahan tersebut dipenuhi. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2013.

Bagi cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar terutamanya jalan ke Kg. Karamuak dan jalan Kg. Sinar Jaya di kawasan Kinabatangan pula, Kementerian akan menyenaraikan projek tersebut dibawah *Rolling Plan II* RMKe-10 dan pelaksanaannya dijangka akan dimulakan pada tahun 2013.

SOALAN NO.32

~~PERTANYAAN : LISAN~~
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

TARIKH 15 NOVEMBER 2011

SOALAN:

DATO' JOHARI BIN ABDUL minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana cadangan Jawatankuasa Pemilih Parlimen kelak dapat dilaksanakan bagi memastikan Pilihan raya dikendalikan dengan lebih telus.

SOALAN N0.32

JAWAPAN:
Tuan Yang Di Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya ditubuhkan bagi mengkaji perkara-perkara berkaitan proses pilihan raya Malaysia dan ia dianggotai oleh sembilan (9) Ahli Dewan Rakyat yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih Parlimen, yang terdiri daripada seperti yang berikut:

- (i) lima (5) anggota daripada Barisan Nasional (termasuk seorang Menteri sebagai Pengerusi);
- (ii) tiga (3) anggota daripada pembangkang; dan
- (iii) satu (1) anggota selain anggota daripada Barisan Nasional atau pembangkang (Bebas).

Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam (6) bulan dan di dalam tempoh ini Jawatankuasa ini hendaklah mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selain mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil serta menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa yang

SOALAN N0.32

mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujukan atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis Mesyuarat tersebut.

Jika Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut tidak dapat melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan dalam tempoh tersebut, perkara ini hendaklah dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi maksud pelanjutan tempoh pelantikan.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan Khas ini, pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan sistem pilihan raya di negara ini akan sama-sama diberi peluang, melalui wakil mereka di Parlimen, untuk memberi pendapat dan mengkaji secara mendalam sistem pilihan raya yang difikirkan lebih baik bagi mendukung dan mengukuhkan lagi demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Ini merupakan suatu langkah bijak bagi menyediakan ruang dan platform kepada pihak-pihak berkenaan bermuhasabah dan menyampaikan suara hati nurani (*conscience*) mereka, melalui wakil-wakil mereka, agar pembaharuan proses pilihan raya dapat dilakukan dan dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan.

Apa jua syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang yang dicadangkan yang datangnya daripada Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak lagi akan dipertikai dan dijadikan agenda politik memandangkan syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang itu telah dibuat melalui perbincangan dan penelitian pihak-pihak

SOALAN NO.33

yang mewakili seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 33

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : ~~DARIPADA~~ **LISAN** DATUK DR TEKHEE@TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Y. Bhg Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan keluasan muka bumi Malaysia yang sudah bertukar bentuk akibat kerja-kerja tanah seperti penebangan bukit bukau, 'earthfilling', 'reclamation', pembinaan empangan dan lain-lain kerja yang melibatkan pemindahan tanah kerana pembangunan dan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengawal keadaan ini supaya kejadian yang tidak diingini seperti banjir, tanah runtuh dan lain-lain dapat dielakkan.
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan guna tanah adalah merupakan elemen penting dalam memastikan perubahan fizikal disebabkan pembangunan dapat dikawal dengan berkesan supaya tidak menjejaskan kualiti alam sekitar serta kesihatan dan keselamatan awam. Dalam hal ini, pihak-pihak berkuasa tempatan hendaklah memastikan kelulusan terhadap cadangan projek adalah selaras dengan gunatanah

JAWAPAN:

yang telah dizonkan dalam rancangan struktur tempatan atau negeri khususnya di kawasan sensitif alam sekitar. Cadangan pembangunan fizikal di kawasan sensitif alam sekitar seperti di kawasan bukit dan tanah tinggi hendaklah mematuhi Garispanduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan memastikan bahawa apa-apa cadangan pembangunan yang melibatkan kerja-kerja tanah yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling)1987 mengemukakan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA - Environmental Impact Assesment) sebelum projek dimulakan dan langkah-langkah kawalan diambil oleh penggerak projek bagi mengurangkan kesan kepada alam sekeliling. Seterusnya, pihak JAS akan menjalankan penguatkuasaan terhadap pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA tersebut. Selain itu, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga melaksanakan kaedah Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (atau IRBM - Integrated River Basin Management). Tujuannya adalah untuk menyelaraskan perancangan dan pembangunan secara holistik supaya membawa pembangunan yang mampan di sekeliling sungai-sungai.

Di samping itu, hasil daripada pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan (SFM - Sustainable Forest Management), hampir 56.4 peratus daripada keluasan negara adalah dilitupi kawasan berhutan. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia semasa *Rio Earth Summit 1992* dalam memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan

tanah negara adalah di bawah litupan hijau (green cover). Justeru itu, adalah penting usaha dan komitmen Kerajaan-kerajaan Negeri diteruskan dalam pelaksanaan SFM.

Pihak Kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan pelbagai dasar, peraturan, garis panduan dan program untuk menjamin alam sekitar negara sentiasa terpelihara. Dalam hubungan ini, Kerajaan melaksanakan pendekatan pembangunan seimbang di mana keperluan pemeliharaan alam sekitar dan sosio-ekonomi dijadikan tunggak utama di dalam agenda pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]

TARIKH JAWAPAN : 15 NOVEMBER 2011 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan tindakan Kerajaan Pusat bagi mengatasi masalah keengganan Kerajaan Negeri Selangor mengeluarkan surat perintah pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PPAMPS) untuk memastikan rakyat Lembah Klang mempunyai bekalan air bersih mencukupi menjelang 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memenuhi peningkatan permintaan bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2025. Skim penyaluran air mentah ini terbahagi kepada dua projek utama iaitu pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) dan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2). Berdasarkan jadual asal, pelaksanaan skim ini dijangka siap pada tahun 2014 bagi menampung defisit bekalan air yang dijangka mula berlaku pada tahun tersebut.

Sehingga akhir 30 September 2011, Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor berjalan seperti yang dijadualkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan telah tertangguh dan mengalami kelewatan berikutan keputusan Kerajaan Negeri Selangor membekukan kelulusan projek tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor hanya bersetuju untuk mengeluarkan kelulusan

pembangunan tanah sehingga penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor dimuktamadkan mengikut pendekatan, terma dan syarat yang ditentukan oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), setakat Julai 2011, kapasiti bekalan air di negeri Selangor adalah sebanyak 4,326 juta liter sehari (JLH) manakala permintaan pula adalah berjumlah 4,122 JLH. Situasi ini menjadikan rizab kapasiti bekalan air negeri Selangor pada tahap yang sangat tipis iaitu 4.7% sahaja berbanding dengan amalan terbaik pada tahap di antara 15% - 20%. Rizab ini akan berkurangan sehingga menjadi defisit iaitu -1.2% pada tahun 2013 disebabkan oleh permintaan bekalan air yang semakin meningkat. Rizab yang tipis ini akan mendedahkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada krisis kekurangan air jika tidak ditangani segera.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terdedah kepada krisis bekalan air kelak, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program mitigasi jangka pendek bagi

meningkatkan kapasiti bekalan air tambahan sebanyak 130 JLH. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek ini sebenarnya masih tidak dapat menampung sepenuhnya permintaan bekalan air pada tahun 2014. Projek Loji Rawatan Air Langat 2 masih perlu dilaksanakan dengan segera supaya dapat menampung permintaan tersebut sehingga tahun 2025.

Oleh itu, demi kepentingan rakyat di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, besarlah harapan saya agar Kerajaan Negeri Selangor tidak terus mengaitkan dan menjadikan isu penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air sebagai barang tawaran kepada pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2. Kelulusan segera terhadap semua permohonan yang berkaitan adalah tindakan murni yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan projek tersebut dapat dilaksanakan seperti yang dirancang demi kesejahteraan penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN
SHEIKH AHMAD [KANGAR]

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

15 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah terdapat keperluan untuk menstrukturkan semula agensi-agensi pengurusan air negara seperti SPAN memandangkan masalah-masalah air masih berlaku di negeri-negeri yang diambil alih dari operator air negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Skim penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak melibatkan pengambilalihan pengurusan air dari operator-operator air negeri. Ia dilaksanakan berdasarkan konsep *asset light*, dengan izin, di mana semua liabiliti berkaitan dengan perkhidmatan bekalan air dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) supaya Kerajaan Negeri dilepaskan daripada bebanan hutang. Sebagai balasan, Kerajaan Negeri akan memindah milik aset air yang berkaitan secara pegangan pajakan kepada PAAB yang kemudiannya disewakan kembali kepada operator air pada kadar yang berpatutan dan tempoh yang bersesuaian. Selain itu, PAAB juga bertanggung jawab untuk membangunkan infrastruktur air baru dan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur air sedia ada. Melalui pendekatan ini, operator-operator air negeri dapat memberikan tumpuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi serta perkhidmatan mereka.

Memang tidak dinafikan bahawa industri perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri yang telah menstrukturkan semula industri perkhidmatan

Tuan Yang Dipertua,

air mereka masih menghadapi masalah dan Kerajaan menjangkakan bahawa masalah ini tidak akan dapat diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh terdekat ini. Walau bagaimanapun, sukacita saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa negeri-negeri ini telah menunjukkan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan mereka terutamanya dari segi kualiti air terawat yang dibekalkan, penurunan kadar air tidak berhasil dan peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Peningkatan ini adalah hasil pengawalseliaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang menetapkan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicators*, dengan izin, yang perlu dipatuhi oleh operator-operator air. Operator-operator air juga dikehendaki menyediakan pelan perniagaan 3 dan 30 tahun yang akan diteliti dan diluluskan oleh SPAN. Melalui pelaksanaan pelan perniagaan ini, operator-operator air akan dapat menyelesaikan masalah-masalah bekalan air yang dihadapi oleh pengguna secara berperingkat berdasarkan kemampuan kewangan mereka. Oleh itu, peranan SPAN sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan bekalan air adalah penting bagi memastikan operator-operator air mematuhi pelan perniagaan yang diluluskan dan seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air kepada para pengguna.

SOALAN NO : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH 15 NOVEMBER 2011
SOALAN

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada peruntukan untuk keperluan kesihatan di negara kita adalah mencukupi dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memberi perkhidmatan yang memuaskan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan sejumlah RM 15.223 bilion pada tahun 2011, terdiri daripada RM 13.239 bilion di bawah Bajet Mengurus dan RM 1.984 bilion di bawah Bajet Pembangunan. Memandangkan kerajaan mengalami kekangan kewangan pada tahun 2011, KKM menggunakan peruntukan yang telah diberikan secara optimum untuk melaksanakan tanggungjawab bagi mengekalkan tahap perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada rakyat melalui langkah-langkah perbelanjaan secara berhemah dengan memberi keutamaan kepada perbelanjaan tertentu, mengawal perbelanjaan ke atas perkhidmatan yang bukan merupakan perkhidmatan teras Kementerian seperti tuntutan perjalanan, tuntutan perpindahan, penggunaan kenderaan pejabat, perbelanjaan bekalan pejabat serta

Tuan Yang di-Pertua
perbelanjaan mesyuarat/kursus dan majlis serta mengadakan kempen pengembalian ubat terpakai oleh pesakit.

Berbagai usaha dan langkah telah diambil untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada rakyat di hospital-hospital. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

1. Pemantauan kualiti perkhidmatan;
2. Pengurusan kualiti, risiko dan keselamatan bersepadu;
3. *“Patient Safety Programme*
4. *“Clinical Audit”, dan*
5. Bagi meningkatkan tahap kecekapan anggota kesihatan di dalam prosedur-prosedur tertentu, program CUSUM “Cumulative Summation” dari kaedah “Statistical Process Control” diperkenalkan dan “Continuing Professional Development” bagi mengukur dan meningkatkan kompetensi anggota kesihatan.

Untuk memastikan teknologi kesihatan yang digunakan bersesuaian dan selamat, Kementerian menjalankan penilaian ke atas teknologi kesihatan baru yang hendak diperkenalkan di Malaysia. Sehingga Jun 2011, sebanyak 50 laporan Penilaian Teknologi Kesihatan dan 183 laporan Kajian Teknologi Kesihatan telah disiapkan.

Untuk memastikan penjagaan kesihatan yang diberikan adalah berkualiti, Kementerian dengan kerjasama Akademi Perubatan Malaysia telah

membentuk Panduan Amalan Klinikal (*evidence-based Clinical Practice Guidelines* (CPG)) untuk penyakit-penyakit tertentu bagi digunakan di seluruh negara. Sehingga Jun 2011, sebanyak 66 CPG telah disediakan. KKM juga melaksanakan beberapa strategi seperti berikut bagi menggalakkan penggunaan CPG:

1. Membentuk *Quick Reference* (dokumen 8 mukasurat yang boleh dimuatkan di dalam poket) untuk CPG yang telah dibentuk;
2. Menghasilkan Modul Latihan untuk CPG yang telah dibentuk dan menjalankan *Training of Trainers* berdasarkan modul tersebut; dan
3. Membentuk *Patient Information Leaflet* untuk CPG tertentu bagi memudahkan pemahaman pesakit.

Selain daripada itu, Pembangunan Garis Panduan Perkhidmatan dan *Standard Operational Policies* bagi setiap disiplin kepakaran giat dijalankan dari semasa ke semasa termasuklah semakan-semakan baru bersesuaian dengan keperluan semasa perkhidmatan dan kemajuan teknologi perubatan terkini melalui *evidenced-based medicine*.

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan amat komited dan sentiasa berusaha mengenal pasti langkah-langkah inovasi untuk memberikan perkhidmatan yang memuaskan untuk rakyat. Penambahbaikan proses kerja di Klinik Kesihatan yang berterusan dilaksanakan bagi mengurangkan masa menunggu seperti memulakan waktu klinik dengan lebih awal, pelaksanaan waktu anjal, pelaksanaan sistem prioriti di mana keutamaan diberikan kepada kes-kes yang memerlukan perhatian dan rawatan segera seperti asma,

Tuan Yang di-Pertua
warga emas, kanak-kanak, kecederaan dan lain-lain, serta menyediakan sistem temujanji yang lebih fleksibel dan mesra pelanggan.

Kerajaan juga pada masa ini menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mesra rakyat dan mudah dicapai melalui pelaksanaan Klinik 1 Malaysia sejak dari tahun 2010. Sehingga kini, terdapat sebanyak 80 Klinik 1 Malaysia di seluruh negara. Bermula pada tahun 2010, perkhidmatan Klinik Bergerak 1 Malaysia ke kawasan perkampungan, kawasan Orang Asli dan ladang juga telah mula diperkenalkan di lima (5) buah negeri iaitu Perak, Selangor, Johor, Pahang dan Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATO' SRI IR. MOHD. ZIN BIN MOHAMED
PERTANYAAN TARIKH 15 NOVEMBER 2011 (SELASA)
SOALAN NO. 37

Dato' Sri Ir. Mohd. Zin Bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan pelajar lelaki dan wanita yang telah mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara ini bagi sesi 2011/2012 baru-baru ini dan nyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah "jurang gender" atau "*gender gap*" dengan ratio 65:35 antara pelajar wanita dan pelajar lelaki bagi kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, dasar pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA adalah dibuat berasaskan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90% akademik dan 10% kokurikulum tanpa mengira faktor gender, kaum dan taraf sosio-ekonomi.

Secara keseluruhannya, bilangan pelajar wanita sememangnya mengatasi bilangan pelajar lelaki di IPT iaitu 40% lelaki dan 60%

wanita di IPTA dan 46% lelaki dan 54% wanita di IPTS, namun perkara sebaliknya berlaku di beberapa IPTA yang menjurus kepada bidang teknikal iaitu:

- i. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - 55.1% lelaki dan 44.9% wanita);
- ii. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) - 79.2% lelaki dan 20.8% wanita;
- iii. semua universiti dalam *Malaysian Technical University Network* (MTUN) iaitu UTHM (55.2% lelaki dan 44.8% wanita), UteM (60.5% lelaki dan 39.5% wanita), UMP (52.1% lelaki dan 47.9% wanita) dan UniMAP (57.3% lelaki dan 42.7% wanita); serta
- iv. politeknik (57% lelaki dan 43% wanita) dan kolej komuniti (60% lelaki dan 40% wanita).

Untuk makluman juga, terdapat beberapa kajian berkaitan ketidakseimbangan gender telah dilaksanakan, namun kajian tersebut menyentuh perkara-perkara spesifik dalam sesuatu bidang sahaja seperti dalam pasaran pekerjaan, bidang sukan dan pencapaian akademik. Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bagi membentuk terma rujukan kajian yang komprehensif dengan mengambil kira dapatan kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini. Jawatankuasa ini akan diwakili oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Unit Perancang Ekonomi

JPM dan
agensi-agensi berkaitan. Jawatankuasa ini akan mencadangkan
kajian yang perlu dijalankan bagi merungkai masalah ketidak
seimbangan gender di IPT.

k/0 . y** hstim

; ^■NO-AJIVI 03

NO. AUP!>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG
MANIS]

TARIKH 15 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4181

SOALAN:

DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAH [Tanjong Manis] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Kementerian dapat
memulakan peruntukan bagi memulakan pembinaan sebuah Pusat Latihan
RELA di bandar Tanjung Manis, Sarawak.

JAWAPAN :
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Manis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri ada bercadang untuk membina sebuah Pusat Latihan RELA di Negeri Sarawak . Pemilihan lokasi masih belum dapat ditetapkan oleh kerana banyak tawaran-tawaran dari beberapa orang Wakil Rakyat yang inginkan Pusat Latihan RELA dibina dikawasan mereka. Pihak Kementerian sedang mengkaji lokasi yang paling sesuai berasaskan keadaan muka bumi dan faktor - faktor penduduk dikawasan lokasi tanah yang ditawarkan. Pihak Kementerian telah mengemukakan peruntukan bagi pembinaan projek tersebut ke Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan.

fs/O • S^> Ar<-ArA> 7 ?

^ -NO_nWM ;4

~~-NO. AUF—fr-~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]

TARIKH 15 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4182

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) apakah persepsi dan reaksi rakyat ke atas usaha Kerajaan dalam melaksanakan program 5P ke atas warga asing di negara ini; dan

(b) jenis masalah yang timbul (yang belum diselesaikan lagi) semasa proses pemutihan.
Tuan Yang Di-pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Putatan, negara ini sering kali menghadapi masalah dengan warganegara asing yang membanjiri negara ini. Pelaksanaan Program 6P di Semenanjung telah disambut baik oleh rakyat kerana keberadaan warga asing di negara kini dapat dikesan dan biometrik mereka didaftarkan. Mereka juga dialu-alukan dan diberikan pengampunan untuk balik ke negara asal secara sukarela. Sabah yang banyak menerima Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari Filipina dan Indonesia serta pelarian

JAWAPAN:

Filipina yang membanjiri negeri tersebut telah melaksanakan Program 5P bertarih 18 Julai 2011 sehingga 8 Ogos 2011. Ini mendapat reaksi yang positif dari rakyat Sabah kerana dengan adanya Program 5P ini akan memantapkan pemantauan keberadaan warganegara asing yang tinggal di Sabah. Program ini juga membantu warganegara asing yang ingin pulang ke negara asal dari segi dokumentasi dan penghantaran pulang PATI.

(b) Proses Pemutihan yang telah bermula pada 10 Oktober 2011 adalah merupakan fasa kedua dalam pelaksanaan Program 6P. Antara masalah yang dihadapi semasa Proses Pemutihan adalah tempoh yang lama diambil oleh pihak Kedutaan untuk mengeluarkan dokumen perjalanan kepada PATI negara masing-masing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN	
Daripada	Dato' Haji Wan Abd	Rahim bin Wan
	Abdullah [Kota Bharu]	
Tarikh Menjawab	15 November 2011 (Selasa)	
Soalan	No. 40	

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan usaha-usaha terkini yang dijalankan bagi membantu
pekebun-pekebun kecil getah dan sawit.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

Usaha-usaha yang akan dilaksanakan bagi membantu pekebun kecil getah di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) adalah:

i) Skim Tanam Semula Dan Tanam Baru Getah

Di bawah skim ini, sebanyak RM 194,723,000 peruntukan telah disediakan untuk pelaksanaan tanam semula dan tanam baru getah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Jumlah kawasan tanaman semula getah yang terlibat adalah seluas 40,000 hektar dan tanam baru seluas 18,000 hektar.

Keluasan bagi tanam semula mengikut kawasan adalah 24,000 hektar di Semenanjung, 6,000 hektar di Sabah dan 10,000 hektar di Sarawak. Sementara bagi tanaman baru pula adalah seluas 3,0 hektar di Semenanjung, 5,000 hektar di Sabah dan 10,000 hektar di Sarawak.

ii) Latihan Amalan Pertanian Baik (GAP) Kepada Pekebun Kecil

Peruntukan juga disediakan kepada RISDA bagi melaksanakan latihan amalan pertanian baik (GAP) kepada seramai 140,900 pekebun kecil.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi industri sawit, usaha-usaha terkini bagi membantu pekebun kecil sawit adalah:

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

- i) Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) di mana peruntukan sebanyak RM7.000 sehektar disediakan kepada pekebun kecil bagi tanaman baru sawit bagi kawasan tidak melebihi 5 hektar. Bantuan disediakan dalam bentuk input pertanian.
- ii) Di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) pekebun kecil yang mempunyai keluasan kurang dari 40.43 hektar disediakan bantuan sebanyak RM7.000 sehektar. Bagi pekebun kecil yang mempunyai keluasan kurang dari 2.5 hektar, bantuan penyelenggaraan kebun sebanyak RM500 juga disediakan untuk tempoh 2 tahun.
- iii) Skim Diskaun Cantas (SKIDIC) di mana diskaun sebanyak RM 1,0 disediakan bagi pembelian mesin penuai buah sawit.

Selain itu dalam tahun 2011 Kerajaan juga telah melantik seramai 100 orang pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat (TUNAS). Pegawai- pegawai ini berperanan untuk menyebarkan maklumat-maklumat teknikal tanaman sawit serta amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti di kalangan pekebun kecil.